



13 November 2014
13 November 2014
P.U. (A) 304

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (ELAUN MODAL DIPERCEPAT) (MEDAN MARGINAL PETRONAS) 2014

PETROLEUM (INCOME TAX) (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCES) (PETRONAS MARGINAL FIELD) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

**KAEDAH-KAEDAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)
(MEDAN MARGINAL PETRONAS) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 83(1)(a) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepat) (Medan Marginal PETRONAS) 2014.**

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

Tafsiran

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini, “medan marginal PETRONAS” ertinya suatu medan sebagaimana yang ditentukan di bawah kaedah 3.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, “PETRONAS” adalah singkatan bagi Petroliam Nasional Berhad sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 3(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*].

Medan marginal PETRONAS

3. Menteri boleh menentukan suatu medan marginal PETRONAS iaitu suatu medan yang dikendalikan sepenuhnya oleh PETRONAS yang mempunyai rizab minyak mentah yang berpotensi tidak melebihi tiga puluh juta tong tangki stok atau rizab gas asli tidak melebihi lima ratus bilion kaki padu standard.

Pemakaian

4. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi PETRONAS yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran telah melakukan perbelanjaan loji yang layak

di bawah Jadual Kedua kepada Akta semata-mata bagi maksud menjalankan operasi petroleum di dalam suatu medan marginal PETRONAS.

(2) Perbelanjaan loji yang layak yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah yang telah dilakukan oleh PETRONAS dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010 dengan mengambil kira perbelanjaan yang dibuat selepas 30 November 2014 hingga tahun taksiran 2024.

Elaun permulaan

5. Elaun permulaan di bawah subperenggan 8(b) Jadual Kedua kepada Akta atas perbelanjaan loji yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah bersamaan dengan dua puluh lima peratus.

Elaun tahunan

6. Elaun tahunan di bawah subsubperenggan 12(1)(b) Jadual Kedua kepada Akta atas perbelanjaan loji yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah bersamaan dengan lima belas peratus.

Pelupusan

7. (1) Jika suatu aset yang layak bagi elauan yang disebut dalam kaedah 5 dan 6 dilupuskan dalam tempoh dua tahun dari tarikh pemerolehannya, elauan yang telah dibenarkan kepada PETRONAS di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang aset itu dilupuskan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “dilupuskan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 40 Jadual Kedua kepada Akta.

Ketidakpakaian

8. (1) Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi PETRONAS dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika PETRONAS—

(a) menjalankan operasi petroleum di dalam suatu kawasan di bawah apa-apa perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan